

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.5(35)

10 Mei 2018  
24 Syaaban 1439

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 30/2018

### PERISYTIHARAN HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN SEMPENA KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM KE-14

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah menetapkan bahawa 10 dan 11 Mei 2018 (Khamis dan Jumaat) adalah hari Kelepasan Am Tambahan seluruh negara sempena Pilihan Raya Umum Ke-14.


2. Selaras dengan Seksyen 8, Akta Hari Kelepasan Am 1951 maka Universiti turut menyahut arahan Kerajaan dan Hari Kelepasan Am tersebut diberikan kepada seluruh warga Universiti bagi kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Bahru, Pagoh dan Kuala Lumpur. Manakala, bagi kampus UTM Johor Bahru dan Pagoh, 13 Mei 2018 (Ahad) ditetapkan sebagai hari kelepasan am tambahan.

3. Sehubungan dengan itu, Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah menyelaraskan semua program atau aktiviti yang telah dirancang lebih awal terutamanya yang melibatkan pihak luar dengan sewajarnya bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

Sekian, terima kasih.

***“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”***

Yang benar,



**(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)**  
Pendaftar

s.k. - Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)  
Pengarah Pusat Penyelidikan – Kampus Pagoh  
Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah